


CHAIRMAN'S STATEMENT

Perutusan Pengerusi




On behalf of the Board of Directors, and as the new Chairman of the Company, I am pleased to present the Annual Report of Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) for the financial year ended 31 March 2001.



**Y.BHG. TAN SRI DATO' MOHD HASSAN
BIN MARICAN**
Chairman/Pengerusi

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan sebagai Pengerusi baru PROTON, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) bagi tahun berakhir 31 Mac 2001.



PROTON achieved its best ever financial performance during the year under review with revenue increasing by 28% to a record RM8,301 million from RM6,497 million. Group profit before tax increased to a record RM378.3 million, up 168% from RM141.3 million recorded last year. The improved financial performance was primarily due to the continued strong demand for Proton cars as well as improved efficiency in the Company's manufacturing process. More importantly, the impressive financial performance stands as a testimony to PROTON's competitiveness and resilience amidst an increasingly competitive automotive industry.

The year under review has been exciting and productive, having seen many developments that have continued to place the Company amongst the front-runners in the industry. The highlights of the year were the introduction of the Waja model and the launch of our own CAMPRO engine project. Both are excellent examples of PROTON's engineering, design and manufacturing capabilities, reflecting its total capability as a world class manufacturer.

The overwhelming response by Malaysians to the new Proton Waja is a strong indication of the continued customer confidence in Proton cars. We have surpassed all expectations in the Proton Waja and its development signals the maturity of PROTON as a world class manufacturer. The Waja also signals a new era for PROTON, where we only produce vehicles of the highest quality and offer the best in technology, innovation, design and price.

PROTON telah mencatat kedudukan kewangan yang terbaik pada tahun kewangan dalam kajian ini, dengan perolehan dagangan meningkat 28% iaitu kepada RM8,301 juta daripada RM6,497 juta. Keuntungan sebelum cukai kumpulan juga meningkat kepada RM378.3 juta, peningkatan 168% daripada RM141.3 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan prestasi kewangan ini disebabkan permintaan kukuh terhadap kereta di samping peningkatan kecekapan proses pengeluaran Syarikat. Apa yang lebih penting adalah kedudukan kewangan yang menarik ini membuktikan PROTON mampu bertahan dan berdaya saing di dalam industri automotif yang kompetitif ini.

Tahun kewangan ini merupakan tahun yang mencabar dan berproduktif yang menampilkan banyak penghasilan dan terus menjadikan PROTON sebagai peneraju di dalam industri ini. Kemuncak tahun ini adalah pengenalan model Waja di samping pelancaran projek enjin CAMPRO. Kedua-duanya adalah contoh kecemerlangan kejuruteraan, reka bentuk dan keupayaan pengeluaran PROTON yang mencerminkan sepenuh keupayaan kita sebagai pengeluar bertaraf dunia.

Sambutan yang amat mengalakkan dari rakyat Malaysia terhadap Proton Waja adalah satu petunjuk yang kukuh serta keyakinan pembeli yang berterusan terhadap kereta-kereta Proton. Kita sudah melepasi semua jangkaan pada Proton Waja dan penghasilannya menandakan kematangan PROTON sebagai pengeluar bertaraf dunia. Ia juga menandakan satu era baru bagi PROTON, yang mana kita akan hanya mengeluarkan kenderaan berkualiti tinggi yang menawarkan yang terbaik dari segi teknologi, inovasi, reka bentuk dan harga.

Chairman's Statement (continued) Perutusan Pengerusi (sambungan)

While we are confident that the Waja will become one of our best selling models, we will continue to excel in the development of new model variants and new products in order to expand the range of choices to customers such as the premium version of the Waja and a new mini-MPV. PROTON has always and will continue to produce cars on the platform of our core values of performance, safety, affordability and style.

Meanwhile, the completion of the acquisition of the entire shareholding in Usahasama Proton-DRB Sdn. Bhd. and the subsequent name change of the now wholly-owned distributor to Proton Edar Sdn. Bhd. will provide customers with direct and personal access to PROTON. As the only factory owned distributor in Malaysia, Proton Edar is poised to provide Proton customers with a new purchasing and ownership experience from the moment they step into the showroom.

In the international market, PROTON has made a strategic decision to rationalise its operations and focus its resources on markets with better growth potential. This will allow us to reconsolidate our energy and optimise resources to tap new markets in Europe, ASEAN and the Middle East.

The Company continued to invest strategically in Information Technology during the year to enhance its management and manufacturing processes and we are poised to embrace the new economy by venturing into e-commerce at the appropriate time.

Dalam pada kita yakin bahawa Waja akan menjadi model paling laris, kita akan terus cemerlang dalam menghasilkan model-model dan produk-produk baru untuk menambahkan rangkaian pilihan kepada pembeli seperti versi premium Waja dan mini-MPV baru. PROTON sentiasa akan terus menghasilkan kereta yang berasaskan teras nilai prestasi, keselamatan, kemampuan dan gaya.

Sementara itu, dengan selesainya pengambilalihan keseluruhan pegangan saham di dalam Usahasama Proton-DRB Sdn. Bhd. serta penukaran nama syarikat milik penuh itu kepada Proton Edar Sdn. Bhd. membolehkan pembeli berhubung secara langsung dengan PROTON. Sebagai satu-satunya pengedar yang dimiliki pekilang, Proton Edar mempunyai kedudukan paling baik untuk memberikan pembeli kereta Proton pengalaman baru dalam membeli dan memiliki kereta sebaik sahaja mereka melangkah masuk ke bilik pameran.

Dalam pasaran antarabangsa, PROTON membuat keputusan strategik untuk merasionalisasikan operasinya dan menumpukan sumber-sumber di pasaran-pasaran yang menguntungkan. Ini akan membolehkan kita menumpukan tenaga dan memaksimumkan sumber-sumber untuk meneroka pasaran baru di negara-negara Eropah, ASEAN dan Timur Tengah.

Syarikat juga meneruskan pelaburan secara strategik dalam teknologi maklumat bagi tempoh ini untuk meningkatkan proses pengurusan dan pengeluaran dan cukup bersedia memasuki ekonomi baru dengan meneroka bidang perdagangan elektronik (e-dagang) apabila tiba masanya untuk PROTON berbuat demikian.

Moving forward, PROTON will continue to develop and re-invent itself to meet the challenges of the increasingly competitive market conditions both in Malaysia and in the international arena. The developments in PROTON during the past year form part of the long term strategy to prepare ourselves for the liberalisation of the market in 2005 under the ASEAN Free Trade Area (AFTA) where we will have to compete under new market conditions. The new conditions dictate that only the best and the fittest will survive and, I believe, PROTON has what it takes to do so.

PROTON is preparing itself for the new competitive environment and its long term objective is to become globally competitive as well as a brand of choice. PROTON has put in place strategies that will enhance its position in the industry by acquiring advanced technology where it is advantageous to do so and developing the requisite capabilities.

The direct participation of PETRONAS in PROTON will certainly help to place the Company in a better position to face the challenges ahead. While the National Oil Company may be new in PROTON, after the completion of its acquisition of a 27.2% interest in the Company from Hicom Holdings Bhd. in December 2000, PETRONAS has been involved in automotive engineering technology for quite a while. At the same time, the automotive industry in fact shares a lot in common with the oil and gas industry – both industries are global, technology-driven, capital intensive and volatile.

Melangkah ke hadapan, PROTON akan terus maju dan berkembang untuk menangani cabaran-cabaran dalam pasaran yang semakin sengit persaingannya di Malaysia dan di persada antarabangsa. Perkembangan PROTON dalam tempoh setahun lalu juga adalah sebahagian daripada strategi jangka panjang dalam menyediakan diri ke arah liberalisasi pasaran pada tahun 2005 di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), di mana kita mesti mampu bersaing dalam persekitaran pasaran baru sama sekali. Keadaan persekitaran baru ini akan menetapkan hanya yang terbaik dan terkuat akan kekal dan saya percaya PROTON memiliki ciri-ciri yang diperlukan.

PROTON sedang melengkapkan diri untuk persekitaran persaingan yang baru ini dan objektif jangka panjangnya adalah menjadi pesaing global yang kompetitif serta menjadi jenama pilihan. Untuk tujuan ini, PROTON telah menempatkan strategi yang bakal memperkukuhkan kedudukan kita menerusi penggunaan teknologi termaju dan memperolehi kepakaran yang diperlukan ini.

Penyertaan langsung PETRONAS dalam PROTON sudah tentu menempatkan Syarikat di persada yang lebih baik untuk melepasi cabaran-cabaran yang akan datang. Walaupun Syarikat Petroleum Nasional baru saja mengambil alih kepentingan 27.2% di dalam Syarikat ini dari Hicom Holdings Bhd. pada Disember 2000, pada hakikatnya PETRONAS telah lama berkecimpung di dalam teknologi kejuruteraan automotif. Pada masa yang sama, industri automotif dan industri minyak dan gas mempunyai banyak persamaan – kedua-duanya adalah industri global, berurusan teknologi, memerlukan modal intensif serta dinamik.

Chairman's Statement (continued) Perutusan Pengerusi (sambungan)

PETRONAS, is entrusted by the Government to manage and develop the nation's petroleum industry whilst PROTON is entrusted with the responsibility to develop the nation's automotive industry. Both industries are strategic to the nation. PETRONAS brings with it various experiences and expertise in engineering and management and, coupled with its experience in the global arena, PETRONAS offers a strategic advantage to PROTON to compete effectively from a stronger position. PROTON, through Proton Edar, will also be able to tap the synergy with PETRONAS Dagangan Berhad's service station network throughout the country, providing ready and wider access to Proton Edar to reach and serve its customers.

The journey forward will be very challenging, especially in view of the industry consolidation and liberalisation forces brought about by globalisation. PROTON has put in a lot of effort and sacrifices to have come this far and we are committed to ensuring that the hard earned track record will not be eroded. We have proven our ability and capability to compete and that is precisely what we will continue to do if we are to see the continued growth and survival of the Company.

In conclusion, on behalf of the Board of Directors, I would like to thank all Malaysians and other customers who have supported PROTON over the years. Please continue to share our journey and you will be pleasantly surprised with what we can achieve together. I would also like to thank the previous Chairman, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong and the previous members of the Board for their guidance and contribution. I

PETRONAS, diamanahkan oleh kerajaan untuk mengurus dan membangunkan industri petroleum nasional manakala PROTON pula diamanahkan dengan tanggungjawab membangunkan industri automotif nasional. Kedua-dua industri ini adalah strategik untuk negara. PETRONAS membekalkan pelbagai pengalaman serta kepakaran di bidang kejuruteraan dan pengurusan, tambahan pula dengan pengalaman yang luas di persada antarabangsa, dapat menawarkan PROTON dengan kelebihan strategik untuk bersaing secara efektif dari kedudukan yang lebih kukuh. Melalui Proton Edar Sdn. Bhd., PROTON akan mempunyai sinergi dalam mempergunakan rangkaian stesyen-stesyen servis PETRONAS Dagangan Berhad seluruh negara yang sedia ada untuk Proton Edar memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya.

Langkah ke hadapan akan lebih mencabar, lebih-lebih lagi apabila industri ini bergabung dan kuasa-kuasa liberalisasi yang dibentuk melalui globalisasi. PROTON telah menumpukan banyak usaha dan pengorbanan sehingga hari ini dan kami komited untuk memastikan bahawa rekod prestasi kami tidak akan dihakis. Kami telah pun membuktikan kebolehan dan keupayaan kami untuk bersaing dan kami akan terus wujud dan berkembang.


Kesimpulannya, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia serta pembeli-pembeli yang telah menyokong PROTON selama ini. Kami berharap anda akan terus bersama-sama kami dalam perjalanan ini dan anda akan kagum dengan apa yang akan kita capai bersama. Saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada Pengerusi yang lepas, Yang Berbahagia

wish to also record my appreciation to the Government for its support and guidance. Last but not least, my appreciation is to the management and employees of PROTON for their dedication and commitment to the Company.

We stand ready now on the edge of a new automotive era in this region and as the only industry player in Malaysia with the full capability to produce and sell a car from drawing board up to delivery, PROTON is well poised to lead the way.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong serta Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang lepas di atas bimbingan serta sumbangan mereka. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan tinggi saya kepada Kerajaan kerana memberi kami sokongan dan bimbingan. Akhir sekali penghargaan saya kepada pengurusan dan kakitangan-kakitangan PROTON di atas dedikasi dan komitmen mereka kepada Syarikat.

Kami kini bersedia untuk menghadapi era baru automotif di rantau ini dan sebagai satu-satunya peserta industri di Malaysia yang berkeupayaan penuh untuk mengeluarkan dan menjual kereta dari papan lakaran sehinggalah ke urusan penghantaran, PROTON bersedia untuk menjadi peneraju.



TAN SRI DATO' MOHD HASSAN MARICAN
Chairman



TAN SRI DATO' MOHD HASSAN MARICAN
Pengerusi

Operations Review Ulasan Operasi



The period under review saw PROTON performing well, given the increasingly competitive conditions of the automotive market and the sluggish global economy. Buoyed by the continued confidence in the national car industry, PROTON continued to implement strategies for development, growth and enhanced technological capabilities while preparing itself for the eventual liberalisation of the automotive market.

Sepanjang tempoh dalam kajian, PROTON telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, meskipun dalam keadaan pasaran automotif yang semakin sengit persaingannya serta ekonomi dunia yang lembap. Di atas dorongan serta keyakinan yang berterusan terhadap industri kereta nasional, PROTON terus melaksanakan pelbagai strategi pembangunan, pertumbuhan dan peningkatan keupayaan teknologi di samping mempersiapkan diri bagi menghadapi liberalisasi di pasaran automotif.



Utilizing Computer Aided Clay Model Milling machine to build a full scale model.

Membina model skel penuh menggunakan Computer Aided Clay Model Milling.

Turning ideas into reality utilising state-of-the-art computers.

Merealisasikan rekaan menggunakan komputer canggih.



WAJA's own dedicated assembly line at the Mid-Volume Factory.

Barisan pemasangan khas untuk WAJA di Kilang Pengeluaran Sederhana.

FINANCIAL PERFORMANCE

For the financial year under review which ended on 31 March 2001 PROTON registered a record pre-tax profit of RM378.3 million, achieved on the back of a turnover of RM8.3 billion; after accounting for RM194.2 million for research and development activities.

This exceptional performance is attributed to favourable business conditions and a higher sales volume, which resulted in a 15 per cent increase in sales where 195,228 units were sold in the current financial year, as compared to the 170,296 units sold in the previous financial year.

The positive growth is attributable to the overwhelming response to the new Waja model, which generated positive growth in the sales volume. This clearly demonstrates the acceptance and success of the Malaysian-made model, and we at PROTON are proud of this achievement. As the first fully Malaysian designed car, it has already captured the hearts of Malaysians and is a clear demonstration of our capability to be even more competitive and innovative in the future. The Waja has set a new standard of excellence for PROTON and we believe it will continue to be one of the most popular models in our fleet of cars, due to its superior ride and handling, value for money and safety elements.

Going by what we have achieved to date, demonstrated by the success of the Waja, which is a result of our capabilities and a product that is clearly desired by Malaysian consumers, we are confident that PROTON will remain as the brand of choice, in the present and future. We expect that this will

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2001, PROTON telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM378.3 juta, daripada perolehan berjumlah RM8.3 bilion, selepas mengambilkira sebanyak RM194.2 juta untuk kegiatan penyelidikan dan pembangunan.

Prestasi luar biasa ini disumbangkan oleh persekitaran perniagaan yang memberangsangkan serta jumlah jualan yang lebih tinggi, iaitu peningkatan sebanyak 15 peratus di mana 195,228 unit dijual dalam tahun kewangan semasa, berbanding 170,296 unit dijual dalam tahun kewangan sebelumnya.

Pertumbuhan positif ini disebabkan oleh sambutan yang amat menggalakkan terhadap model baru Waja, yang menjana pertumbuhan positif jumlah jualan. Ini dengan jelas mencerminkan penerimaan rakyat Malaysia dan kejayaan model buatan tempatan dan kami di PROTON amat berbangga dengan pencapaian ini. Sebagai kereta pertama rekaan Malaysia sepenuhnya, ia sudah pun dapat memenangi hati rakyat Malaysia dan jelas menunjukkan keupayaan kami untuk lebih berdaya saing dan berinovasi pada masa depan.

Waja menetapkan satu tahap baru dalam kecemerlangan PROTON dan kami percaya ia akan terus menjadi satu daripada model-model kami yang paling popular kerana pemanduan dan pengendaliannya yang jauh lebih baik, nilai untuk wang serta ciri-ciri keselamatannya.



Preparing the body structure for simulation strength test.
Ujian simulasi ketahanan badan.



Weather meter test to simulate weather resistant effect on exterior parts.

Ujian meter cuaca bagi mensimulasi kesan daya tahan cuaca pada komponen kereta.



become even more apparent as we continue to roll-out more exciting, innovative and highly engineered vehicles in the future, which we can now produce given the technology, skills and manpower we have developed and acquired.

DIVIDENDS

For the year ended 31 March 2000, the company paid a dividend totalling 5 sen per share. In view of PROTON's sterling performance for the year ended 31 March 2001, a final dividend of 7.5 sen per share is proposed in addition to the interim tax-exempt dividend declared on 30 November 2000 of 2.5 sen per share, making the total dividend for the financial year 2000/01 10 sen per share, which is twice the amount paid in the previous financial year.




Utilizing the 4 Poster Road Simulator to analyse the car's reaction on different road surfaces.

Penggunaan 4 Poster Road Simulator bagi mengkaji reaksi kereta terhadap permukaan jalan yang berbeza.

Berdasarkan apa yang telah dicapai setakat ini menerusi kejayaan Waja, yang terhasil daripada keupayaan kami dan menjadi produk yang diminati oleh pengguna di Malaysia, kami berkeyakinan PROTON akan kekal sebagai jenama pilihan, pada masa sekarang dan akan datang. Kami menjangkakan ini akan lebih ketara lagi di masa hadapan apabila lebih banyak kenderaan yang menarik, berinovasi dan berkejuruteraan tinggi yang mampu kami keluarkan hasil daripada teknologi yang dibangunkan serta kemahiran dan gunatenaga yang kami miliki.

DIVIDEN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2000, syarikat memperuntukkan dividen sebanyak 5 sen sesaham. Memandangkan prestasi yang kukuh bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2001, dividen akhir berjumlah 7.5 sen dicadangkan sebagai tambahan kepada dividen interim dikecualikan cukai yang telah diisytiharkan pada 30 November 2000 sebanyak 2.5 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan 2000/01 ialah 10 sen sesaham, iaitu sekali ganda lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya.



CORPORATE DEVELOPMENTS

The completion of the acquisition of DRB-HICOM Berhad's 27.2% stake in PROTON by national petroleum company PETRONAS on 4 December 2000 was another step in the evolution of the national car company as it transforms itself into a world class manufacturer. The resources and technology that will be shared with PETRONAS as a strategic and technology partner will significantly contribute to the acceleration of PROTON's capabilities.

PROTON also completed the acquisition of the entire stake of Usahasama Proton-DRB Sdn. Bhd. from DRB-HICOM Bhd, Erat Bakti Sdn. Bhd. and Khazanah Nasional Bhd for RM378.3 million on 31 October 2000; transforming it into the country's only factory-owned distributor for the national car.

Now known as Proton Edar, the acquisition is part of PROTON's strategy to forge a direct tie-up between the manufacturer and distributor. This is aimed at producing better benefits and service for the customer in terms of product, meeting customer expectations and ownership experience; while allowing PROTON to build the brand by providing a new level of integrated services to ensure total customer satisfaction.

PRODUCT DEVELOPMENT

In keeping with the philosophy of Innovation, Technological Capability and Quality, research and development continues to be one of the core areas of PROTON's activities where internally developed and acquired technology are used to produce greater advances in engineering for both PROTON vehicles and the nation.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Pemerolehan kepentingan DRB-HICOM sebanyak 27.2% dalam PROTON oleh syarikat petroleum nasional, PETRONAS yang telah disempurnakan pada 4 Disember 2000 adalah satu peristiwa dalam evolusi syarikat kereta nasional apabila ia berkembang menjadi pengeluar kereta bertaraf dunia. Sumber-sumber dan teknologi yang akan dikongsi bersama dengan Petronas sebagai rakan kongsi strategik serta teknologi akan menyumbang secara ketara kepada kepantasan pertumbuhan keupayaan PROTON.

PROTON juga telah menyempurnakan pengambilalihan keseluruhan kepentingan Usahasama Proton-DRB Sdn. Bhd. daripada DRB-HICOM Bhd, Erat Bakti Sdn. Bhd. dan Khazanah Nasional Bhd pada harga RM378.3 juta pada 31 Oktober 2000, mengubahnya menjadi satu-satunya pengedar milik pekilang bagi kereta nasional.

Kini dikenali sebagai Proton Edar, pemerolehan ini adalah sebahagian daripada strategi PROTON untuk menjalinkan pertalian secara langsung di antara pengeluar dan pengedar. Ini adalah bertujuan untuk menghasilkan lebih manfaat serta perkhidmatan yang lebih baik untuk pengguna dari segi produk, memenuhi kemahuan pengguna dan pengalaman pemilikan, pada masa yang sama membolehkan PROTON mengukuhkan kedudukan jenamanya dengan menyediakan perkhidmatan yang bersepadu bagi memastikan kepuasan sepenuhnya kepada pengguna.

PEMBANGUNAN PRODUK


Selaras dengan falsafah Inovasi, Keupayaan Teknologi dan Kualiti, kegiatan penyelidikan dan pembangunan terus menjadi bidang teras kepada aktiviti PROTON yang mana teknologi yang dibangunkan secara dalaman dan juga teknologi luar digunapakai untuk melahirkan kejuruteraan termaju untuk kenderaan PROTON dan juga untuk negara.



Gear shift motion test to check on its durability.

Ujian pergerakan gear untuk menentukan ketahanannya.

Operations Review (continued) Ulasan Operasi (sambungan)



One of the most visible successes of PROTON's engineering capabilities is the Waja, where its superb ride and handling qualities have now become the hallmark of Proton cars. Over 40,000 units have been produced and demand continues to be strong. PROTON will continue to develop the signature ride and handling qualities, which have been developed together with Lotus, and include this element in all future models.

Another milestone is the development of 20 1st Tier Vendors that supply systems and modules for the Waja. They have acquired design and engineering capabilities for component development and verification.

Satu daripada kejayaan paling ketara dalam keupayaan kejuruteraan PROTON ialah Waja, yang mana kualiti pemanduan dan pengendalian cemerlangnya kini menjadi mercu tanda kepada kereta Proton. Lebih 40,000 unit dihasilkan setakat ini dan permintaannya terus kukuh. PROTON akan terus mengembangkan kualiti pemanduan dan pengendalian, yang dihasilkan bersama-sama Lotus, dan memasukkan ciri-ciri ini ke dalam semua model yang akan datang.

Satu lagi kejayaan ialah tentang mewujudkan sebanyak 20 vendor tahap pertama yang membekalkan sistem dan modular untuk kereta Waja. Kesemua vendor-vendor ini mempunyai keupayaan untuk mereka bentuk dan menghasilkan komponen-komponen.

World Class testing facilities at PROTON's very own Research & Development Centre.

Kemudahan pengujian bertaraf dunia yang terdapat di Pusat Penyelidikan & Pembangunan PROTON.



Another fine example of PROTON's transformation and evolution as a manufacturer is the ability to design, apply and produce all its requirements to accelerate ahead as an automobile manufacturer. This can be seen in the "Campro" engine, which went on public display during the KL International Motorshow 2000.

Designed and developed by PROTON engineers, the "Campro" engine was initiated at the new PROTON Research and Development facility in Shah Alam and transformed into prototype engine within a groundbreaking nine months. It was successfully run for the first time at Lotus Engineering in Hethel, Norwich, United Kingdom in July 2000.

Scheduled for mass production in 2003 at the PROTON plant in Shah Alam, the "Campro" engine will offer a world class combination of power and torque with exceptional fuel economy and low emissions, allowing PROTON to be independent when it sources the heart of any automobile – the powertrain.

During the period under review, the PROTON team also developed the Proton Juara, enabling the national car manufacturer to fill the niche for a functional yet appealing and affordable vehicle that caters to the active and diverse lifestyles of Malaysians. Categorised as a mini-MPV, the Proton Juara features PROTON's unique ride and handling performance as a result of the renowned Lotus engineering input. It is expected to appeal to the needs of young executives, families and business users due to its many features, namely affordability, safety, ride and handling performance, comfortable space and unique design.

Satu lagi contoh transformasi dan evolusi PROTON sebagai pengeluar ialah kemampuannya untuk mereka bentuk, mengguna pakai dan menghasilkan kesemua keperluan-keperluannya untuk terus ke depan sebagai pengeluar automobil. Ini boleh dilihat menerusi enjin "Campro", yang telah dipamerkan kepada umum semasa Pameran Kereta Antarabangsa KL 2000.

Direka dan dihasilkan oleh jurutera-jurutera PROTON, enjin "Campro" adalah dari inisiatif Pusat Penyelidikan dan Pembangunan PROTON yang baru di Shah Alam dan dijadikan enjin prototaip dalam tempoh hanya enam bulan. Ia telah berjaya diuji di Lotus Engineering, Hethel, Norwich, United Kingdom pada bulan Julai 2000.

Dijadualkan untuk pengeluaran pada 2003 di kilang PROTON, Shah Alam, enjin "Campro" menawarkan kombinasi bertaraf dunia dari segi kuasa dan 'torque' dengan penjimatan bahan bakar yang luar biasa dan emisi yang rendah, membolehkan PROTON berdikari dalam mendapatkan 'jantung' bagi sesebuah kereta enjin.

Dalam tempoh kajian, pasukan PROTON juga menghasilkan Proton Juara, membolehkan pengeluar kereta nasional ini mengisi ruang pasaran kenderaan pelbagai fungsi yang menarik tetapi lebih murah bagi memenuhi gaya hidup rakyat Malaysia yang aktif dan pelbagai. Dikategorikan sebagai mini-MPV, Proton Juara bercirikan keunikan pemanduan dan pengendalian Proton hasil dari kejuruteraan Lotus. Ia dijangka akan menarik minat eksekutif muda, keluarga dan peniaga kerana mempunyai pelbagai ciri seperti harga, keselamatan, prestasi pemanduan dan pengendalian serta ruang selesa dan reka bentuk yang unik.



Analysing and testing vehicle structure utilizing Computer Aided Engineering (CAE) computers.

Menguji dan menganalisa struktur kenderaan menggunakan perisian Computer Aided Engineering (CAE).

Analysing colours & seat materials for future models.

Menganalisa warna dan bahan kerusi untuk model kereta masa hadapan.



MANUFACTURING

Overall production for the period under review increased by 13 per cent totaling 193,622 units, up from the 171,923 units produced the previous financial year.

The dedicated Waja production line began operations in July and a total of 25,320 units were produced as of 31 March 2001. The line is now capable of producing 5,000 units a month and for the 2001/02 financial year, production is expected to be reach 53,000 units.

Meanwhile, refurbishment of the mainline painting operations, which began in December 1999, was completed in May 2001. Under the exercise, 16 new robots were installed in the final coating line and new structures were built, including the spray booths, ovens and painting circulation system. The latest in painting application technology such as bell application of metallic paint and in-line cooling paint piping was also introduced.

INFORMATION TECHNOLOGY (IT)

PROTON continued to develop its IT capabilities during the period under review with emphasis on improving the R&D facilities and developing an e-business blueprint.



Stamping of body panels.

Pembentukan bahagian badan kereta.

PENGELUARAN

Keseluruhan pengeluaran bagi tempoh dalam kajian meningkat sebanyak 13 peratus, berjumlah 193,622 unit, bertambah daripada 171,923 unit yang dikeluarkan dalam tahun kewangan sebelumnya.

Kilang pengeluaran Waja telah memulakan operasinya pada bulan Julai dan sejumlah 25,320 unit dikeluarkan sehingga 31 Mac 2001. Ia kini mampu mengeluarkan 5,000 unit sebulan dan bagi tahun kewangan 2001/02, pengeluarannya dijangka mencapai 53,000 unit.

Sementara itu, pembaikan bahagian mengecat di kilang utama, yang dimulakan pada Disember 1999 telah siap pada bulan Mei 2001. Dalam proses ini, 16 robot baru telah dipasang di bahagian lapisan akhir dan struktur baru telah dibina, termasuk di bahagian semburan, bilik ketuhar cat dan sistem peredaran cat. Teknologi terbaru dalam aplikasi pengecatan seperti aplikasi bell bagi cat metalik dan paip penyejukan cat juga diperkenalkan.

TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT)

PROTON terus membangunkan keupayaan ITnya dalam tempoh kajian dengan penekanan untuk meningkatkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta membangunkan pelan induk e-perniagaan.



The Product Development Management System – which enhances communication among various functions and provides seamless integration between engineering, manufacturing and after sales service – has been upgraded further.

The Computer-aided Design and Development System has also been further enhanced with added functionalities in the areas of Design and Engineering, which now includes SERVIS (SGML EnviRonment for Vehicle Service Information System) for Digital Publications and S-BOM (Service Bill of Material) creation in real-time to support the Waja after-sales and service.

PROTON is now working toward achieving “digital car” capability, which includes a Virtual Reality Centre to further reduce vehicle development lead-time.

In the are of e-commerce, the period under review saw PROTON redefining its business process and map out the use of the Internet as one of the critical components of this process.

In the future, customers can expect an e-business solution that will be able to satisfy their expectations and provide them with competitively priced, quality products and services.

INTERNATIONAL MARKET

During the period under review, PROTON’s International Business Division (IBD) began adopting a strategy of “rationalisation and concentration”, where resources and marketing efforts were concentrated on profitable export markets.

The freed resources were in turn invested in building up potential markets in the UK, ASEAN countries as well as certain Middle Eastern countries. As a result of this exercise, the number of distributors of varying

Sistem Pengurusan Pembangunan Produk yang menekankan komunikasi antara pelbagai fungsi dan menyediakan integrasi tanpa had di antara kejuruteraan, pengeluaran dan perkhidmatan selepas jualan – sudah pun di naik taraf.

Sistem Pembangunan dan Rekabentuk Bantuan Komputer juga dipertingkatkan dengan menambah pelbagai keupayaan dalam bidang Reka Bentuk dan Kejuruteraan, yang kini termasuk SERVIS (SGML EnviRonment for Vehicle Service Information System) untuk Penerbitan Digital dan penghasilan S-BOM (Service Bill of Material) dalam masa sebenar untuk menyokong perkhidmatan lepas jualan Waja.

PROTON kini juga sedang berusaha mencapai keupayaan ‘kereta digital’ yang meliputi Pusat Realiti Maya untuk lebih mengurangkan tempoh penghasilan kenderaan.

Dalam bidang perdagangan elektronik (e-dagang), tempoh dalam kajian menyaksikan PROTON menyusun semula proses peniagaan dan menggariskan penggunaan Internet sebagai satu daripada komponen kritikal dalam proses ini.

Pada masa depan, pengguna boleh mengharapkan penyelesaian e-perniagaan untuk memenuhi keperluan mereka dan memberikan produk dan perkhidmatan berkualiti pada harga berpatutan.

PASARAN ANTARABANGSA


Dalam tempoh kajian, Bahagian Perdagangan Antarabangsa PROTON telah melaksanakan strategi rasionalisasi dan penumpuan di mana sumber-sumber dan usaha-usaha pemasaran ditumpukan kepada pasaran eksport yang menguntungkan.

Sumber-sumber ini disasarkan untuk membangunkan pasaran yang berpotensi di United Kingdom, negara-



Engine installation
at WAJA assembly line.

Pemasangan enjin WAJA.



performance levels has been reduced from 50 to 20. This prudent decision has helped maintain the level of exports, where 8,838 units were exported in the financial year under review, and this is expected to grow in the next financial year.

The key task for PROTON at present is to build the brand and image in these target markets and one of the strategies is to create a brand association with Lotus, where Lotus' famed "ride & handling" attributes is infused into PROTON cars as a signature characteristic.

negara ASEAN dan Timur Tengah. Hasil dari pendekatan ini, bilangan pengedar dikurangkan daripada 50 kepada 20. Langkah berhemah ini dapat membantu mengekalkan tahap eksport di mana sebanyak 8,838 unit telah dieksport dalam tahun kewangan di bawah kajian, dan ini dijangka akan meningkat dalam tahun kewangan akan datang.

Tugas utama bagi PROTON pada masa ini ialah membina jenama dan imej di pasaran yang disasarkan dan satu daripada strategi ialah mewujudkan kesedaran jenama yang dikaitkan dengan Lotus, di mana kemasyhuran pemanduan dan pengendalian Lotus turut disebutkan sebagai ciri-ciri kereta PROTON.

Part of PROTON's 6,000 strong skilled and dedicated workforce at work.

Sebahagian daripada 6,000 pekerja mahir dan berdedikasi PROTON tekun bekerja.

Spearheading the new image of Proton cars is the Waja, which is the first Proton vehicle to have the ride and handling characteristic incorporated from the design stage. Singapore was the first export market for the Waja, where it was launched on October 27, 2000 followed by Brunei in February 2001. Proton Cars UK is expected to follow suit in July 2001 while Proton Cars Australia will launch the Waja in the third quarter of 2001.

